

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN

TEMPAT: KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR

TARIKH: 13 AUG 2002

MASA:

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr Ling Liong Sik, Pengerusi Majlis Universiti Tunku Abdul Rahman, Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan, kerana mengundang saya untuk melancarkan dan menyampaikan Ucapan Pembukaan di upacara bersejarah pelancaran Universiti Tunku Abdul Rahman.

2. Pelajaran adalah satu perkara yang amat penting bagi negara dan bagi rakyatnya. Di Malaysia pelajaran menjadi tumpuan semua ibu bapa yang ingin melihat anak mereka dilengkapi dengan ilmu yang boleh membuka peluang naik taraf atau 'upward mobility' kepada mereka. Ibu bapa sanggup berkorban duit ringgit, sanggup menderita pun, asalkan anak mereka mendapat pelajaran yang mencukupi.

3. Kerajaan juga sedar akan pentingnya pelajaran bagi rakyat supaya mereka dapat menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara. Justeru itu Kerajaan sanggup membelanjakan wang yang banyak untuk mengadakan sekolah dan institusi pelajaran di semua peringkat supaya rakyat akan mendapat pelajaran yang diperlukan. Sebenarnya Kerajaan membelanjakan 20 peratus daripada jumlah belanjawan tahunan untuk pendidikan dan pelajaran. Tidak ada negara lain di dunia yang memperuntukkan wang yang begitu banyak untuk penguasaan ilmu oleh rakyatnya. Ini adalah satu ukuran komitmen Kerajaan kepada bidang penting ini.

4. Walaupun demikian ianya masih tidak mencukupi. Lebih ramai anak muda kita yang ingin mendapat pelajaran daripada jumlah tempat yang disediakan oleh Kerajaan. Ibu bapa yang mampu terpaksa hantar anak mereka ke luar negara untuk mendapat tempat dalam universiti luar negara. Yang tidak mampu tetapi layak untuk ke universiti tetap kecewa.

5. Untuk membolehkan lebih ramai anak muda yang layak dapat ke universiti, Kerajaan telah merancang kerjasama di antara institusi dalam negeri dengan universiti di negara asing dalam ikatan yang dipanggil 'twinning' atau 'perkembangan'. Dengan ini sebahagian daripada kursus dapat diadakan dalam negara dan separuh di luar negara dan kelulusan serta ijazah yang diberi oleh

universiti luar adalah diiktiraf. Cara ini mengurangkan kos dan lebih ramailah rakyat Malaysia yang dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

6. Pada satu masa dahulu Kerajaan tidak membenarkan institusi pelajaran tinggi swasta. Apabila sistem 'twinning' berjaya maka ramailah daripada pihak swasta yang mengadakan 'twinning'. Walaupun Kerajaan mendirikan lebih banyak universiti, tetapi jumlah tempat dalam universiti-universiti ini masih juga tidak mencukupi.

7. Sekarang Kerajaan melonggarkan lagi kawalan dalam bidang pelajaran tinggi dan membenarkan swasta mendirikan universiti. Kelonggaran ini membawa banyak masalah. Jika tidak dikawal maka institusi pelajaran yang 'sub-standard' akan mendakwa bahawa mereka adalah universiti.

8. Di banyak negara terdapat ratusan universiti tetapi kebanyakan adalah 'certificate-mills' sahaja. Bukan sahaja ramai akan tertipu tetapi 'certificate-mills' ini akan memburukkan nama negara kita.

9. Oleh kerana ini Kerajaan akan terus mengawal rapi institusi pelajaran tinggi dalam negara kita.

10. Satu lagi masalah yang besar ialah kos mengada dan mengurus universiti amatlah tinggi. Kerajaan terpaksa 'subsidise' universiti Kerajaan untuk membantu mengurangkan yuran. Tetapi universiti swasta, walaupun mendapat sokongan daripada 'endowment' individu atau korporat terpaksa mengenakan yuran yang tinggi. Hanya mereka yang mampu sahaja yang dapat pergi ke universiti swasta.

11. Memandang akan perbezaan pendapatan antara kaum di negara ini, besar kemungkinan universiti swasta akan dipenuhi dengan satu kaum dan universiti Kerajaan dengan kaum yang lain. Ini akan menjadikan integrasi kaum sukar dicapai.

12. Sekarang di peringkat sekolah rendah dan menengah sudah ada perpisahan antara kaum. Jika perpisahan ini diteruskan ke peringkat universiti maka masyarakat dewasa Malaysia akan memperlihatkan perkauman yang semakin ketara.

13. Kerajaan tidak boleh membiarkan keadaan ini berlaku. Rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini bernasib baik kerana sehingga kini kepimpinan terdiri daripada tokoh-tokoh yang biasa bercampur gaul antara kaum-kaum yang berlainan. Jika sudah tidak ada tokoh di masa depan yang boleh bercampur gaul kemungkinan konflik berlaku amatlah besar. Apa gunanya pelajaran tinggi jika negara menjadi tidak stabil dan rusuhan

kaum tercetus sepanjang masa.

14. Oleh kerana ini usaha mesti dibuat supaya di universiti penuntut akan terdiri daripada semua kaum. Saya sedar akan pepatah Inggeris 'you can take a horse to the water, but you cannot make it drink'. Tetapi 'take it to the water you must'. 'We will find a way to make it drink'.

15. Sekarang ini penuntut di universiti mengasingkan diri mengikut kaum. Mereka tidak tinggal dalam 'dormitory' atau bilik bersama. Di dewan kuliah, di padang permainan, 'extra-curricular activities' dalam dewan-dewan lain, mereka duduk berasingan. Keadaan ini tidak sihat dan merbahaya bagi masa depan negara. Hakikatnya ialah apabila mereka keluar universiti untuk bekerja, mereka akan bertemu dengan masyarakat berbilang kaum yang berbeza daripada masyarakat dalam universiti.

16. Justeru itu usaha secara pro-aktif perlu dibuat untuk merapatkan hubungan antara penuntut pelbagai kaum di universiti. Sepatutnya tiap universiti mengadakan kelab antara kaum yang bergiat dalam bidang sosial, sukan, lawatan pelajaran atau 'educational outing', di dalam dan di luar negeri, berkelah dan lain-lain lagi. Kepimpinan dan penyertaan kelab-kelab ini mestilah daripada semua kaum dan mereka boleh adakan kursus berkenaan adat resam, pantang larang dan sensitiviti masing-masing kaum. Peserta mestilah berusaha secara sedar, 'deliberately and consciously' untuk mengelak daripada bersengketa dan bertelagah antara mereka, terutama yang berasas kepada kelainan kaum.

17. Kerajaan akan memberi galakan dan hadiah tertentu kepada kelab yang berjaya disertai oleh semua kaum dan mempunyai rekod yang baik serta mencipta cara-cara untuk merapatkan hubungan yang lebih erat.

18. Universiti Tunku Abdul Rahman yang akan dilancar ini mempunyai peranan yang lebih besar dalam perkara hubungan pelajar pelbagai kaum. Ia adalah universiti swasta dan kita tahu universiti swasta biasanya tidak mempunyai ramai penuntut Bumiputera. Usaha mesti dibuat untuk menarik seberapa ramai yang mungkin penuntut Bumiputera. Segala kegiatan dalam universiti hendaklah mencerminkan usaha merapatkan hubungan antara kaum. Sistem didikan dan bahasa pengantar mestilah memberi gambaran yang telah menjadikan Malaysia masyhur - iaitu Malaysia adalah satu-satunya negara berbilang kaum yang aman, stabil dan selamat dengan kemajuan tidak diganggu oleh sikap tidak toleran oleh rakyatnya.

19. Di masa yang sama adalah penting kursus dan kelulusan serta ijazah universiti ini menepati standard yang tinggi sesuai dengan sebuah universiti. Jika ini dapat ditentukan maka universiti ini akan mendapat

tempat dalam negara dan dalam dunia juga sebagai institusi pelajaran tinggi yang bertaraf antarabangsa. Adalah menjadi harapan Kerajaan universiti ini akan menarik ramai penuntut dari negara asing kerana kualiti pelajaran yang diperolehi di universiti ini.

20. Rakyat Malaysia mungkin daripada pelbagai keturunan tetapi Malaysia adalah negara kita bersama. Oleh itu, walaupun kita boleh mengekalkan budaya keturunan kita tetapi dianya tidak boleh tulin dan eksklusif. Sebaliknya unsur-unsur budaya kaum-kaum lain mestilah terdapat dalam budaya semua kaum, dengan budaya asli Malaysia sebagai tonggak kepada budaya semua kaum untuk menentukan identiti Malaysia kita. Saya yakin pihak universiti akan dapat menyumbang kepada pembentukan identiti Malaysia yang tulin.

21. Oleh itu selain daripada menuntut ilmu tertentu universiti juga perlu menuntut ilmu berkenaan dengan sejarah dan budaya Malaysia. 'Research' dalam bidang ini perlu dibuat yang mirip kepada Malaysia sebagai negara berbilang kaum yang mempunyai Melayu dan Bumiputera lain sebagai terasnya.

22. Kita tahu tidak ramai dari negara berbilang kaum yang aman dan maju. Tetapi ada juga negara di Eropah dan Amerika yang dipenuhi dengan kaum pendatang tetapi masih aman, maju dan selamat. Apakah yang menentukan identiti negara-negara ini dan bagaimanakah ia dipupuk? Ahli akademik perlu mengkaji perkara ini secara ilmiah tanpa diganggu oleh sentimen kaum dan keturunan yang tebal.

23. Demikian juga dengan pelajaran 'political science' yang biasanya di asas kepada pendapat dan ilmu dari Barat. Masa sudah tiba untuk kita menyoal pemikiran Barat yang sekarang begitu menguasai dunia sehingga sesiapa yang menyoalnya akan dianggap sebagai 'heretic', orang yang sudah terkeluar dari aliran dan menjadi 'political apostate'.

24. Jika kita kaji arus pemikiran dan ideologi politik Barat, kita akan dapati bahawa mereka berkali-kali mencipta dan mengamal ideologi yang mereka sendiri akhirnya mengakui adalah salah dan mereka menggugurkannya. Kita tidak harus mengikuti mereka, mempercayai dan mengamal sistem mereka dan apabila mereka gugurkan sistem ini maka barulah kita berani menggugurkannya.

25. Barat telah cipta sistem feodal yang begitu otokratik dan menjadi begitu zalim sehingga mereka terpaksa menggugurkannya dan menggantikan dengan sistem republik, secara literal bermakna kembali kepada kuasa ramai. Dalam usaha untuk menegakkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan, 'Liberty, Equality and Fraternity', mereka membunuh berjuta daripada rakyat

mereka. Jelas bagi sebilangan yang tidak kecil daripada bangsa-bangsa Barat ini, 'Liberty, Equality and Fraternity' tidak bermakna.

26. Setelah hampir seratus tahun kezaliman berlaku dan ratusan juta menjadi mangsa, mereka gugurkan ideologi Komunis dan Sosialis. Hari ini mereka perkuatkan sistem 'capitalism without limit', tanpa had. Segalagala, termasuk 'Liberty, Equality and Fraternity' dikorbankan supaya 'unlimited greed', ketamakan kapitalis, dapat menguasai dunia.

27. Yang jelas ialah ideologi dan sistem Barat bukan 'infallible', bukan tidak cacat. Justeru itu kita perlu soal slogan seperti 'liberal democracy, globalisation, free market' dan lain-lain supaya kita dapat tentukan apakah idea-idea ini tidak akan didapati tidak baik oleh Barat satu hari dan mereka juga akan menggugurkan idea-idea ini untuk diganti dengan idea-idea baru.

28. Universiti sebagai gedung ilmu perlu terokai dan kaji semua bidang ilmu. Walaupun secara langsung universiti tidak dapat membentuk dasar dan pentadbiran negara tetapi pemikiran pakar dalam universiti adalah penting. Kita perlu kurangkan cengkaman ahli pemikir Barat dan menyumbang kepada pemikiran tulin yang berpunca daripada kita. Saya yakin kita orang Asia, kita rakyat Malaysia tidak sebegitu lemah sehingga tidak dapat mencipta pemikiran sains politik yang tidak kurang bijak, berasas kepada keunikan masyarakat berbilang kaum kita, dan pengalaman serta kajian kita yang lain di seluruh dunia. Masa akan kembali yang mana asas-asas susunan masyarakat dunia tidak lagi akan dimonopoli oleh pemikir Barat tetapi oleh semua manusia di dunia.

29. Saya menarik perhatian kepada 'research' yang perlu dibuat oleh universiti kerana kita tidak ingin melihat universiti-universiti kita di Malaysia menjadi 'certificate mills' semata-mata, yang hanya menjadi 'conduit' atau saluran ilmu yang datang dari luar. Masa sudah tiba untuk kita memikirkan sendiri berkenaan dengan pengurusan negara kita dan juga berkenaan dengan ideologi yang sesuai untuk negara kita. Tidak ada bangsa di dunia yang mempunyai monopoli pemikiran. Kita juga mampu memikirkan untuk cara-cara mengurus dan membangun negara bukan sahaja untuk negara kita tetapi juga untuk manusia lain.

30. Piawaian atau standard adalah perkara yang terpenting bagi sesebuah institusi pelajaran tinggi. Kita mempunyai Lembaga Akreditasi Negara yang menentukan universiti di Malaysia mencapai standard yang minima. Tetapi kita tidak boleh berpuashati dengan standard yang minima.

31. Di negara-negara maju selalunya terdapat universiti-universiti yang utama. Demikian di United Kingdom, terdapat Cambridge dan Oxford, Harvard dan Yale di Amerika Syarikat dan Keio dan Waseda di Jepun. Di Malaysia kita belum ada universiti yang terkemuka yang terkenal di seluruh dunia. Oleh itu saya harap universiti-universiti di negara kita akan berusaha untuk mencapai tahap keilmuan dan kaji selidik yang tinggi supaya beberapa daripada universiti kita akan terkenal di dunia sebagai pusat kecemerlangan yang terkenal yang akan memberi label yang baik kepada 'graduate' dan stafnya. Universiti di Malaysia harus merancang untuk mencapai tahap ini.

32. Untuk menjadi terkenal, penuntut dan staf mestilah berada di 'cutting edge' dalam bidang-bidang tertentu dan dapat berhujah dalam bidang ini dengan pakar-pakar dari negara-negara lain di dunia. Supaya kita dapat berbuat demikian secara efektif kita perlu menguasai bahasa antarabangsa. Bahasa antarabangsa di waktu ini ialah Bahasa Inggeris. Bahasa ilmu di masa ini, bahasa ilmu sains, teknologi dan matematik, terutamanya adalah dalam bahasa Inggeris. Demikianlah luasnya kegunaan Bahasa Inggeris dalam bidang-bidang ini sehingga bangsa-bangsa Eropah, China dan Jepun juga mengguna bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Kita boleh cipta perkataan-perkataan sains dalam bahasa kita tetapi oleh kerana penerokaan dalam bidang ini dibuat dalam Bahasa Inggeris, ciptaan ini hanya boleh dibuat jika kita bukan sahaja faham Bahasa Inggeris tetapi adalah juga pakar dalam bidang berkenaan dan fasih dalam Bahasa kita. Mungkin ada beberapa pakar kita yang mempunyai kebolehan ini tetapi mereka tidak dapat menumpu kepada mencipta perkataan-perkataan ini dan jauh sekali menterjemah semua buku, jurnal dan rencana yang bercambah-cambah dalam bahasa antarabangsa iaitu Bahasa Inggeris. Jika kita ingin berhujah, mengadakan bicara intelek dengan pakar-pakar di dunia penguasaan dan kefasihan Bahasa Inggeris amatlah penting. Justeru itu Bahasa Inggeris perlu diguna sebagai bahasa pengantar sejak dari awal lagi sehinggalah ke peringkat universiti. Lagipun universiti di Malaysia hendaklah terbuka kepada semua kaum dan bahasa kebangsaan serta bahasa Inggeris adalah bahasa pengantar dari sekolah lagi. Jika bahasa kaum diguna secara eksklusif terutama dalam bidang sains dan matematik, maka universiti berkenaan akan tertutup kepada kaum-kaum lain. Dan ini tidak sihat bagi negara berbilang kaum seperti Malaysia.

33. Kita berada sekarang dalam zaman ilmu, zaman teknologi maklumat, 'knowledge age'. Amatlah penting semua rakyat Malaysia memiliki 'knowledge' atau ilmu terutamanya dalam bidang sains, teknologi dan matematik. Kita tidak boleh sekat diri kita daripada penguasaan ilmu kerana kepentingan yang sempit. Kita boleh kekalkan identiti kaum kita tetapi menguasai

bahasa lain, menguasai ilmu-ilmu yang penting tidak akan mengurung atau mengubah identiti kita. Hanya kerana kita dapat bercakap dan berhujah dalam bahasa lain bahkan mengguna nama daripada bangsa lain tidak akan mengubah kaum dan identiti kita kepada bangsa itu.

34. Di dalam dunia, hanya di Malaysia sahaja yang terdapat sekolah pelbagai bahasa yang dibiayai oleh Kerajaan. Tidak ada negara yang maju atau tidak maju yang membenar dan menyokong sistem persekolahan yang berbagai-bagai jenis dan bahasa. Kita benarkan sistem berbagai-bagai bahasa ini kerana kita lebih toleran daripada mana-mana bangsa atau negara di dunia. Tetapi kita sedar dengan adanya sekolah berbagai-bagai bahasa ini, integrasi dan perpaduan kaum di negara kita ini terjejas, menjadi tidak mudah. Jika kerana penggunaan bahasa ibunda kaum tertentu menghalang kemasukan kaum lain dalam mana-mana universiti maka integrasi kaum akan menjadi lebih sukar. Sudah tentu ini akan membawa masalah perkauman dalam masyarakat Malaysia.

35. Sebab itulah kita tidak dapat terima lebih banyak kelainan dalam sekolah-sekolah di Malaysia. Puak yang menuntut supaya identiti kaumnya tidak boleh dicemar akan hanya menyebabkan kaum lain pula membuat tuntutan yang sama. Apabila kesemua pihak berdegil dan membelakangkan kepentingan negara amnya maka perpaduan dan keharmonian yang telah lama kita berjaya tegakkan akan rosak dan akan hancur.

36. Education must be holistic. It must result in a rounded man, a man who is not merely an expert in a particular subject but who is able to relate to the society he is in. He must be able to apply his knowledge and his intellect to the betterment of his fellow-man. Knowledge without morality is not only non-productive but it can be harmful. The truly educated man must therefore know what he owes to society and how he can repay it with his knowledge.

37. Saya yakin Universiti Tunku Abdul Rahman ini akan menjadi satu institusi pelajaran tinggi Malaysia yang akan benar-benar menyumbang kepada penghayatan prinsip-prinsip perjuangan Tunku Abdul Rahman Putra, pencipta dan pengamal kerjasama antara kaum yang unik yang telah menjadikan asas kepada keharmonian dan keamanan negara tercinta ini.

38. Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Universiti Tunku Abdul Rahman.